

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

1. Senaraikan statistik pendaratan sumber laut mengikut daerah di Pulau Pinang bagi tahun 2022 sehingga kini.
 - (a) Berapakah pendapatan Kerajaan Negeri hasil daripada sumber laut bagi tahun-tahun tersebut?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Statistik pendaratan sumber laut bagi perikanan tangkapan laut dan pengeluaran akuakultur marin/air payau secara keseluruhan di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022 dan 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Pengeluaran ini adalah hasil yang diperolehi oleh nelayan namun tidak memberikan sebarang pendapatan hasil kepada Kerajaan Negeri.

Perikanan tangkapan laut di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2023 mengalami kemerosotan sebanyak 21 peratus berbanding tahun 2022. Walau bagaimanapun, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif dalam pelaksanaan bidang akuakultur marin/air payau yang akan membantu dalam keterjaminan makanan di negeri ini.

LAMPIRAN A

STATISTIK PENDARATAN SUMBER LAUT DI NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2022 DAN 2023

TAHUN	PERIKANAN TANGKAPAN LAUT		PENGELUARAN AKUAKULTUR MARIN/AIR PAYAU	
	Pendaratan (tan metrik)	Nilai (RM)	Pendaratan (tan metrik)	Nilai (RM)
2022	48,640.36	787,269,831.04	41,378.72	639,998,897.40
2023	38,226.23	730,536,368.30	46,222.42	989,279,829.59
Jumlah Besar	86,866.59	1,517,806,199.34	87,601.14	1,629,278,726.99

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

2. Apakah perkembangan terkini penguatkuasaan kandang babi tertutup di Pulau Pinang?
 - (a) Senaraikan bilangan kandang yang telah diambil tindakan pada tahun ini.
 - (b) Berapakah kompaun yang telah dikutip dari tahun 2022 sehingga kini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Pada tahun 2024, sebanyak 117 buah ladang telah dilesenkan dan telah dinaik taraf kepada Sistem Kandang Tertutup. Pada masa kini, sisa babi di ladang Kampung Valdor, Seberang Perai Selatan (SPS) tidak lagi dilepaskan ke aliran sungai sebaliknya dihantar ke fasiliti biogas yang telah dibina sejak bulan Mei 2024. Bagi ladang babi di Kampung Selamat, Seberang Perai Utara (SPU) pula, pengurusan sisa adalah melalui kolam kumbahan.

Setiap ladang akan mengguna pakai mesin pengasingan pepejal dan perlu mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) buah kolam kumbahan di dalam ladang. Air kolam kumbahan tersebut akan melalui proses *aerobic* dan *anaerobic* serta diletakkan *Effective Microbes* (EM) untuk tujuan rawatan. Pemantauan dengan pengambilan bacaan *Biochemical Oxygen Demand* (BOD) juga diambil sebanyak tiga (3) kali setahun. Sekiranya bacaan BOD melebihi 50ppm, tindakan kompaun dengan jumlah minima RM5,000.00 akan dikenakan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Pulau Pinang telah mengambil usaha bagi jangka masa pendek untuk mengawal bau yang dihasilkan oleh aktiviti penternakan babi di Kampung Selamat. JPV juga mengambil inisiatif untuk tujuan kawalan pencemaran di Kampung Selamat di mana sebanyak 4,440 liter EM telah dituang ke dalam saluran longkang sepanjang Tingkat Selamat dan Parit Cina pada bulan Ogos. Seterusnya sebanyak 1,720 liter EM telah dituang pada bulan September dan 3,010 liter EM telah dituang pada bulan Oktober. Pada masa yang sama, 61 penternak babi telah dibekalkan dengan 6,100 liter EM pada September yang lalu untuk dituang ke dalam kolam kumbahan. Kerajaan Negeri juga sedang meneliti beberapa cadangan projek rawatan air yang baru diterima bagi membantu menyelesaikan isu pencemaran yang disebabkan oleh penternakan babi di Kampung Selamat.

- (a) Senarai bilangan kandang yang telah diambil tindakan pada tahun ini adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN KANDANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN
Seberang Perai Utara	33 (daripada 63 ladang)
Seberang Perai Tengah	2 (daripada 4 ladang)
Seberang Perai Selatan	15 (daripada 35 ladang)
Daerah Barat Daya	0 (daripada 2 ladang)
JUMLAH KANDANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN	50

- (b) Jumlah kutipan bayaran kompaun dan jumlah kompaun yang telah dikeluarkan dari tahun 2022 sehingga 2024 di bawah JPV adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Selain itu, jumlah kutipan bayaran kompaun dari tahun 2022 sehingga 2024 (sehingga Oktober) di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil yang berkaitan adalah seperti berikut:

TAHUN	2022	2023	SEHINGGA OKTOBER 2024
Majlis Bandaraya Pulau Pinang	2,000.00	750.00	0
Majlis Bandaraya Seberang Perai	49,600.00	41,450.00	40,500.00
JUMLAH (RM)	51,600.00	42,200.00	40,500.00

Manakala jumlah kompaun yang telah dikeluarkan dari tahun 2022 sehingga 2024 (sehingga Oktober) di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil yang berkaitan adalah seperti berikut:

DAERAH	2022	2023	SEHINGGA OKTOBER 2024
Seberang Perai Utara	75	85	81
Seberang Perai Tengah	0	7	5
Seberang Perai Selatan	126	94	35
Daerah Barat Daya	8	3	0
JUMLAH	209	189	121
JUMLAH BESAR			519

LAMPIRAN A

JUMLAH KUTIPAN BAYARAN KOMPAUN DAN JUMLAH KOMPAUN YANG TELAH DIKELUARKAN DARI TAHUN 2022 SEHINGGA 2024

Daerah	Jenis Kompaun	Jumlah Ladang			Jumlah Kompaun (RM)		
		2022	2023	2024 (sehingga Oktober)	2022	2023	2024
Seberang Perai Utara	BOD > 50 ppm	1	4	13	1,000.00	20,000.00	63,000.00
	Menternak Tanpa Lesen	31	16	-	31,000.00	132,500.00	-
	<i>Direct Discharge</i>	3	-	-	3,000.00	-	-
Seberang Perai Selatan	BOD > 50 ppm	-	1	1	-	5,000.00	5,000.00
	Menternak Tanpa Lesen	20	16	1	20,000.00	107,500.00	3,000.00
	<i>Direct Discharge</i>	3	-	-	3,000.00	-	-
Seberang Perai Tengah	BOD > 50 ppm	-	-	-	-	-	-
	Menternak Tanpa Lesen	1	1	1	1,000.00	7,500.00	10,000.00
	<i>Direct Discharge</i>	1	-	1	1,000.00	-	15,000.00
Daerah Barat Daya	BOD > 50 ppm	-	-	-	-	-	-
	Menternak Tanpa Lesen	2	1	1	2,000.00	7,500.00	20,000.00
	<i>Direct Discharge</i>	-	-	-	-	-	-
Jumlah		62	39	18	62,000.00	280,000.00	116,000.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

3. Apakah perkembangan pelaksanaan Akta Unggas di Pulau Pinang?
 - (a) Senaraikan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh penternak dan jumlah kompaun yang dikenakan.
 - (b) Berapakah kompaun yang telah dikutip sehingga hari ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 telah mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2024. Sebanyak 187 ladang unggas telah dilesenkan. Pemantauan berterusan sepanjang tahun membolehkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Pulau Pinang mengenal pasti ladang-ladang yang bermasalah dengan pengurusan ladang dan sisa najis sehingga menyebabkan masalah lalat.

Selain daripada tindakan kompaun, pihak JPV telah membuat perjumpaan secara bersemuka dan berbincang serta mengeluarkan notis bertulis kepada penternak untuk menambahbaik ladang serta menyatakan cadangan penambahbaikan yang akan dilaksanakan bagi mengurangkan isu lalat di ladang unggas.

Bagi ladang unggas yang masih tidak mahu membuat penambahbaikan di dalam pengurusan ladang sehingga menyebabkan isu lalat masih berlaku, lesen tahun 2025 tidak akan diberikan dan kompaun berterusan dan arahan pemberhentian operasi akan dikeluarkan.

- (a) Senarai kesalahan yang telah dilakukan oleh penternak dan jumlah kompaun yang dikenakan bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:

Bil	Kesalahan	Kompaun (RM)
1	Menternak tanpa lesen	7,500.00
2	Gagal untuk memastikan sisa tinja kering dan tiada larva di mana-mana kawasan ladang (<i>maggot</i>)	7,500.00
	JUMLAH	15,000.00

- (b) Jumlah kompaun yang telah dikutip bagi tahun 2024 sehingga kini adalah seperti jadual berikut:

Daerah	Kesalahan	Jumlah Ladang	Jumlah Kompaun (RM)
Seberang Perai Utara	Menternak Tanpa Lesen	0	0
	<i>Maggot</i>	0	0
Seberang Perai Tengah	Menternak Tanpa Lesen	0	0
	<i>Maggot</i>	4	30,000.00
Seberang Perai Selatan	Menternak Tanpa Lesen	2	15,000.00
	<i>Maggot</i>	5	37,500.00
Barat Daya	Menternak Tanpa Lesen	0	0
	<i>Maggot</i>	1	7,500.00
	JUMLAH	12	90,000.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

4. Senaraikan kilang padi dan beras mengikut daerah di negeri Pulau Pinang.
- (a) Apakah mekanisme kerajaan dalam mengawal salah laku mencampurkan beras tempatan dengan beras import sekiranya ia benar-benar berlaku?
- (b) Berapakah jumlah kes dan denda kepada pihak yang terlibat dalam sindiket campur beras tempatan dengan beras import?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Jumlah kilang padi dan beras mengikut daerah di negeri Pulau Pinang adalah seperti jadual berikut:

BIL.	DAERAH	JUMLAH	AKTIF	TIDAK AKTIF
1.	Seberang Perai Selatan	2	2	0
2.	Seberang Perai Tengah	2	1	1
3.	Seberang Perai Utara	7	6	1
4.	Timur Laut	0	0	0
5.	Barat Daya	0	0	0
JUMLAH		11	9	2

- (a) Tiada salah laku mencampurkan beras tempatan dengan beras import di kilang-kilang padi kerana Subperaturan 9(1)(a), Peraturan-Peraturan Kawalan Padi Dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996, Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 telah menetapkan bahawa:

“Seseorang pemegang lesen borong yang juga adalah pengilang padi - tidak boleh memperolehi, membeli atau menjual mana-mana beras kecuali beras yang dikilang daripada padi yang dibeli olehnya di bawah suatu lesen yang dikeluarkan kepadanya mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pembeli Padi) 1996”.

- (b) Tiada kes berkaitan ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

5. Senaraikan bilangan petani yang terlibat dalam Program Agropreneur Muda di Pulau Pinang mengikut daerah dari tahun 2023 sehingga kini.
 - (a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu mereka dalam program ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Sehingga kini, seramai 12 orang petani terlibat dalam program Geran Agropreneur Muda (GAM) di Negeri Pulau Pinang. GAM merupakan program yang menyediakan bantuan bagi usahawan muda dalam sektor pertanian dan peruntukan disalurkan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Geran ini diberi dalam bentuk *in-kind contribution* (IKC) atau barangan (nilai maksimum sehingga RM20,000.00 per individu) dan penerima tidak perlu membayar balik.

Selain itu, pemohon GAM boleh dipertimbangkan Pakej Pembiayaan dengan kadar keuntungan sebanyak dua peratus (2%) setahun bagi pembesaran projek pertanian yang telah beroperasi sekurang-kurangnya satu (1) tahun dengan had maksimum pembiayaan RM50,000.00 hingga RM200,000.00 daripada pihak Agrobank atau sehingga RM50,000.00 daripada pihak TEKUN Nasional bagi setiap projek. Seterusnya, pemohon GAM juga akan menerima khidmat nasihat teknikal dan latihan secara intensif yang bersesuaian melalui program-program yang akan dilaksanakan. Permohonan mestilah melalui Pejabat Pertanian Daerah yang berdekatan.

Senarai bilangan petani yang terlibat dengan program GAM mengikut daerah dari tahun 2023 sehingga kini adalah seperti jadual berikut:-

DAERAH	TAHUN 2023	TAHUN 2024
Seberang Perai Utara	3	2
Seberang Perai Tengah	1	1
Seberang Perai Selatan	1	1
Barat Daya/Timur laut	1	2
JUMLAH	6	6
JUMLAH BESAR	12	

- (a) Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM470,000.00 di bawah Pembangunan Kelompok Tani. Tiga (3) program telah dilaksanakan secara kursus dan latihan bagi membantu golongan belia untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian secara komersial seperti berikut:-

BIL.	BUTIRAN PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1.	Program Latihan Belia	140,000.00
2.	Program Insentif Teknologi Pertanian Belia Tani	310,000.00
3.	Program <i>Farmers Field School</i> (FFS)	20,000.00
JUMLAH		470,000.00

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan program Tabung Usahawan Tani (TUT) yang merupakan pembiayaan dalam bentuk pinjaman mikro-kredit kepada golongan belia yang berhasrat untuk melaksanakan projek pertanian. Kemudahan pinjaman adalah sehingga RM6,000.00 kepada belia yang berumur 40 tahun dan ke bawah. Bagi usahawan tani yang berumur 40 tahun dan ke atas, kemudahan pinjaman adalah sehingga RM5,000.00 dengan tempoh bayaran balik selama dua (2) tahun. Manakala untuk pinjaman kali kedua, kadar faedah yang dikenakan adalah enam peratus (6%) setahun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

6. Berapakah peruntukan yang telah disalurkan kepada petani akibat bencana alam pada tahun 2022 sehingga kini?
- (a) Senaraikan kerugian yang dialami oleh para petani disebabkan musim banjir yang berlaku pada tahun ini.
 - (b) Apakah bantuan segera yang disediakan kerajaan kepada mereka ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Pada tahun 2022 ketika Musim Padi 1/2021, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan bantuan bencana berjumlah RM65,891.64 kepada 44 orang pesawah yang terjejas di daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan.

Pada Mei 2024, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan Tabung Bencana Pertanian (TBP) sebanyak RM20,000.00 kepada satu (1) orang petani buah-buahan di daerah Barat Daya melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA).

Selain itu, Jawatankuasa Teknikal Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) dan Jawatankuasa Teknikal TBP turut meluluskan penyaluran peruntukan bantuan berjumlah RM338,432.00 kepada 150 orang petani di Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada 131 orang petani tanaman padi dan 19 orang petani tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, kontan dan kelulut. Petani-petani ini terlibat dengan bencana yang berlaku di

Negeri Pulau Pinang pada September 2024 dan peruntukan akan disalurkan melalui DOA dalam masa terdekat.

- (a) Hasil bancian dan laporan yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal TBTP dan TBP di bawah DOA telah merekodkan kerugian yang dialami oleh para petani yang terlibat dengan bencana ribut dan banjir sehingga September 2024 seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan bantuan segera daripada TBTP dan TBP dalam bentuk wang tunai kepada petani yang terjejas akibat bencana di Negeri Pulau Pinang pada tahun ini.

LAMPIRAN A**KERUGIAN PETANI YANG TERLIBAT DENGAN BENCANA RIBUT DAN BANJIR
SEHINGGA SEPTEMBER 2024**

1. Tanaman Buah-Buahan, Sayur-Sayuran, Kontan dan Kelulut

BIL.	DAERAH	BILANGAN PETANI	LUAS MUSNAH (hektar)	ANGGARAN NILAI KEROSAKAN (RM)	CADANGAN NILAI BANTUAN (RM)
1.	Seberang Perai Utara	3	1.43	71,450.00	35,725.00
2.	Seberang Perai Tengah	6	1.61	51,500.00	25,750.00
3.	Seberang Perai Selatan	7	3.60	63,000.00	31,500.00
4.	Barat Daya/Timur Laut	3	0.75	11,250.00	5,625.00
JUMLAH KESELURUHAN		19	7.39	197,200.00	98,600.00

2. Tanaman Padi

BIL.	DAERAH	BILANGAN PETANI	LUAS MUSNAH (hektar)	ANGGARAN NILAI KEROSAKAN (RM)	LUAS HAD TUNTUTAN (hektar)	CADANGAN NILAI BANTUAN (RM)
1.	Seberang Perai Utara	123	119.68	1,693,900.00	117.31	211,158.00
2.	Seberang Perai Tengah	7	17.93	42,000.00	12.93	23,274.00
3.	Barat Daya / Timur Laut	1	3.23	4,500.00	3.0	5,400.00
JUMLAH KESELURUHAN		131	140.84	1,740,400.00	133.24	239,832.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

7. Senaraikan program Kerajaan Negeri yang telah dan akan dilaksanakan dalam sektor pertanian bagi mencapai Wawasan Penang2030.
- (a) Senaraikan berapakah peruntukan yang telah digunakan.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Senarai program di bawah sektor pertanian yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-
- (i) Pembangunan Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian;
 - (ii) Program Perkhidmatan Kejenteraan;
 - (iii) Pembangunan Pusat Inkubator;
 - (iv) Projek Pembangunan dan Naik Taraf Pusat Kecemerlangan Teknologi Pertanian;
 - (v) Pembangunan Tanaman Padi;
 - (vi) Pembangunan Tanaman Buah-buahan;
 - (vii) Pembangunan Tanaman Sayur-sayuran;
 - (viii) Pembangunan Petani Pelapis;
 - (ix) Pembangunan Tanaman Industri, Kontan, Herba & Florikultur;

- (x) Pembangunan Industri Pemrosesan Makanan;
 - (xi) Pembangunan Kelompok Tani;
 - (xii) Program Pembangunan Aktiviti Jualan Terus;
 - (xiii) Pengukuhan Khidmat Pengembangan dan Komunikasi Pembangunan; dan
 - (xiv) Pembangunan Taman Pertanian dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).
- (a) Jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2021 sehingga 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

JUMLAH PERUNTUKAN YANG TELAH DILULUSKAN

BIL	TAJUK / NAMA PROJEK		PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)				JUMLAH KESELURUHAN
			2021	2022	2023	2024	
1	1	Pembangunan Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian	350,000.00	275,000.00	375,000.00	250,000.00	1,250,000.00
2	2	Program Perkhidmatan Kejenteraan	460,000.00	190,000.00	500,000.00	343,500.00	1,493,500.00
3	4	Pembangunan Pusat Inkubator	100,000.00	105,940.00	100,000.00	80,000.00	385,940.00
4	5	Projek Pembangunan Dan Naiktaraf Pusat Kecemerlangan Teknologi Pertanian	500,000.00	80,000.00	500,000.00	240,000.00	1,320,000.00
5	9	Pembangunan Tanaman Padi	600,000.00	350,000.00	990,000.00	500,000.00	2,440,000.00
6	10	Pembangunan Tanaman Buah-buahan	590,000.00	360,000.00	500,000.00	500,000.00	1,950,000.00
7	11	Pembangunan Tanaman Sayur-sayuran	665,182.00	454,818.00	640,000.00	700,000.00	2,460,000.00
8	26	Pembangunan Petani Pelapis	90,000.00	82,230.00	125,000.00	470,000.00	767,230.00
9	29	Pembangunan Tanaman Industri, Kontan, Herba & Florikultur	230,000.00	189,060.00	250,000.00	250,000.00	919,060.00
10	30	Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan	700,000.00	500,000.00	750,000.00	600,010.00	2,550,010.00
11	31	Pembangunan Kelompok Tani	100,000.00	1,481,973.80	600,000.00	300,000.00	2,481,973.80
12	33	Program Pembangunan Aktiviti Jualan Terus	350,000.00	314,154.00	419,414.00	379,990.00	1,463,558.00
13	41	Pengukuhan Khidmat Pengembangan dan Komunikasi Pembangunan	90,000.00	71,660.20	120,000.00	70,000.00	351,660.20
14	51	Pembangunan Taman Pertanian Dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)	700,000.00	500,000.00	500,000.00	400,000.00	2,100,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			6,750,000.00	6,250,000.00	6,920,000.00	6,583,500.00	21,932,932.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

8. Senaraikan koperasi-koperasi bumiputera yang terdapat di Pulau Pinang.
- (a) Apakah bantuan yang disediakan kerajaan kepada koperasi-koperasi ini?
 - (b) Agensi manakah yang terlibat dalam menyediakan bantuan ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Terdapat 741 buah koperasi bumiputera di Negeri Pulau Pinang dan senarai nama koperasi adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Bantuan yang disediakan oleh kerajaan kepada koperasi-koperasi ini adalah seperti berikut:-
 - (i) Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi (PPMK 2.0);
 - (ii) Program Pemerksaan Rangkaian Bekalan Koperasi (SCOPE);
 - (iii) Program Penggalakan Koperasi Sebagai SE (SE.RASI);
 - (iv) Program Pembangunan Inovasi dan Teknologi Halal (PITH);
 - (v) Program Pembangunan Kapasiti Produk Halal (PKPH);
 - (vi) Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal: Bantuan Pematuhan Pensijilan Halal (BPPH); dan
 - (vii) Program Sektor Peneraju Ekonomi Koperasi (PROSPEK).

Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi (TBKK);

(i) *Co-operative Emergency Relief Fund* (CERF); dan

(ii) Geran Mutiara Madani (Kerajaan Negeri Pulau Pinang).

(b) Agensi yang terlibat dalam menyediakan bantuan ini adalah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

9. Senaraikan jumlah yang telah dikeluarkan oleh Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi (TBKK) dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Senaraikan bencana-bencana yang dihadapi oleh koperasi dan jumlah bantuan yang diberikan.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Jumlah yang telah dikeluarkan oleh Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi (TBKK) dari tahun 2020 sehingga kini secara *one-off* adalah berjumlah RM25,000.00.
- (a) Senarai TBKK yang telah disalurkan dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti berikut:-
- (i) Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Abdullah Munshi Pulau Pinang Berhad telah menerima TBKK pada tahun 2020 dengan jumlah sebanyak RM20,000.00 bagi bantuan banjir; dan
 - (ii) Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Tun Uda Bayan Lepas Berhad telah menerima TBKK pada tahun 2023 dengan jumlah sebanyak RM5,000.00 bagi bantuan kerosakan buku kerana masalah banjir kilat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

10. Berapakah jumlah projek tanah lot persendirian yang telah dikesan berlaku di Pulau Pinang?
- (a) Apakah prosedur kepada penjualan tanah lot yang perlu dipatuhi untuk mengelakkan masalah kepada pembeli?
 - (b) Apakah Kerajaan bercadang untuk mengawal projek penjualan tanah lot persendirian di masa akan datang?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

10. Jumlah projek tanah lot persendirian yang telah dikesan berlaku di Pulau Pinang berdasarkan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari Januari 2024 sehingga Oktober 2024 adalah seperti berikut:-

DAERAH	BILANGAN PROJEK YANG TELAH DILULUSKAN
Timur Laut (TL)	65
Barat Daya (BD)	19
Seberang Perai Utara (SPU)	37
Seberang Perai Tengah (SPT)	76
Seberang Perai Selatan (SPS)	58
JUMLAH	255

- (a) Mengikut peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa, tanah lot yang ingin dijual mestilah merupakan tanah milik individu, perbadanan atau badan tertentu yang namanya tertera

dalam dokumen hak milik / geran dan luas bahagian tanah yang ingin dijual tersebut mestilah sama atau kurang dari keluasan tanah miliknya seperti yang tertera dalam dokumen hak milik atau geran yang sah. Berikut adalah prosedur penting yang perlu dipatuhi mengikut Kanun Tanah Negara (KTN) dan amalan terbaik dalam urus niaga hartanah:-

(i) Pemeriksaan Status Hakmilik Tanah

Untuk memastikan dokumen hak milik / geran tersebut adalah sah dan bebas daripada sebarang gadaian, pajakan, sekatan atau kaveat, pembeli hendaklah membuat carian rasmi di Pejabat Tanah / Pejabat Pengarah Tanah dan Galian. Pembeli hendaklah memastikan namanya didaftarkan sebagai pemilik tanah yang baharu di dalam dokumen hak milik / geran untuk keluasan yang dibeli selepas proses pembelian selesai sepenuhnya.

(ii) Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (PBN)

Jika tanah mempunyai sekatan kepentingan yang memerlukan kebenaran PBN untuk pindah milik, pastikan kebenaran tersebut diperoleh sebelum transaksi dijalankan.

(iii) Penyediaan Perjanjian Jual Beli

Pembeli / penjual perlu menyediakan perjanjian jual beli yang jelas, terperinci dan mematuhi undang-undang merangkumi harga, syarat pembayaran dan tarikh penyelesaian.

(iv) Pembayaran Duti Setem

Pembeli perlu membayar duti setem ke atas perjanjian jual beli mengikut kadar yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

(v) Pendaftaran Pindah Milik

Setelah semua dokumen lengkap dan bayaran duti setem dijelaskan, proses pendaftaran pindah milik di Pejabat Tanah perlu dilakukan untuk menukar nama pemilik berdaftar kepada pembeli.

(vi) Pembayaran Cukai Tanah

Pastikan semua cukai tanah tertunggak telah dijelaskan sebelum penjualan. Selepas pindah milik, pembeli bertanggungjawab untuk membayar cukai tanah tahunan.

(vii) Semakan Kategori Kegunaan Tanah dan Syarat Nyata

Pastikan kategori kegunaan tanah dan syarat nyata sesuai dengan tujuan pembelian. penukaran syarat tanah perlu dibuat melalui Pejabat Tanah.

Proses penjualan tanah adalah terikat kepada penyempurnaan Borang 14A KTN dan proses penyaksian sebagaimana ditetapkan dalam seksyen 211 KTN serta peruntukan lainnya dalam Jadual Kelima KTN. Sekiranya semua keperluan ini tidak / gagal dipatuhi oleh penjual dan pembeli, transaksi pembelian / penjualan tanah ini adalah tidak sah dari segi undang-undang dan dikenali sebagai lot lidi. Pembelian tanah ini tidak ada jaminan pemegangan (*security of tenure*) terhadap tanah terbabit walau pun pada asasnya urusan niaga boleh dilakukan kerana wujud penjual dan pembeli yang masing-masing bersetuju untuk menjual dan membeli. Selain tiada hak milik, kategori atau syarat tanah lot lidi kebanyakannya masih berstatus pertanian yang mana biasanya ada sekatan untuk dipindah milik atau jual beli. Tanah kategori pertanian hanya boleh dipindahkan dua perlima kepada individu, perbadanan atau badan tertentu. Tanpa proses pecah sempadan, tanpa mengubah kategori atau syarat tanah kepada bangunan kediaman, menjadikan lot lidi tidak sah dari segi undang-undang tanah di Malaysia.

- (b) Kerajaan telah menguatkuasakan undang-undang di Malaysia untuk mengawal penjualan tanah lot persendirian yang dibuat secara tidak sah melalui KTN (Disemak 2020) [Akta 828], Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133].

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bertanggungjawab mengawal selia projek penjualan tanah lot persendirian. Setiap projek pembangunan di atas tanah lot persendirian memerlukan kelulusan KM daripada PBT yang berkenaan. Proses ini memastikan bahawa pembangunan

tersebut mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan termasuk aspek perancangan bandar, penggunaan tanah dan kepentingan awam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

11. Berapakah jumlah pendapatan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) hasil daripada kenaikan tarif air yang baharu?
- (a) Adakah PBAPP bercadang untuk memberi lebih kadar diskaun kepada pengguna yang tergolong dalam B40?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Terdapat peningkatan kepada jumlah pendapatan PBA Holdings pada tahun 2024 sebanyak RM56.6 juta selepas kenaikan tarif air baharu sekiranya dibandingkan pada tahun 2023. Jumlah pendapatan (keuntungan selepas cukai) yang diperolehi oleh PBAPP bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	2023	2024 (sehingga 30 September 2024)
Keuntungan Selepas Cukai	RM34.4 juta	RM91.0 juta

PBAPP akan menggunakan jumlah pendapatan yang diperolehi ini dan kemudahan peruntukan daripada penerbitan sukuk untuk membiayai projek-projek WCP 2030, NRW serta kerja-kerja membaik pulih loji pembersihan air, *reservior*, stesen pam dan lain-lain projek.

- (a) PBAPP telah mengambil inisiatif dengan memberi diskaun kepada pengguna yang tergolong dalam B40 melalui rebat-sepat seperti berikut:

- (i) Rebat Mutiara bagi keluarga miskin tegar yang boleh dikemukakan permohonan melalui Pejabat-Pejabat Daerah atau e-kasih;
- (ii) Rebat Mesra Keluarga untuk keluarga besar melebihi lapan (8) orang serumah;
- (iii) Rebat Kebocoran Air melibatkan kobocoran paip bawah tanah;
- (iv) Kemudahan pinjaman untuk kos kemasukan air atau kos penyambungan paip bagi rumah kampung; dan
- (v) Kemudahan bayaran ansuran bagi bil-bil tinggi bagi mengurangkan bebanan.

Selain itu, PBAPP juga masih memberi subsidi dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM116 juta pada tahun 2023 kepada pengguna domestik di Negeri Pulau Pinang. PBAPP juga telah memberi rebat sebanyak 10m³ untuk enam (6) bulan bagi bulan Julai hingga Disember 2024 (3 bil) kepada semua pengguna domestik. Rebat ini dianggarkan sebanyak RM11 juta.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

12. Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan banjir kilat tidak berlaku kepada kawasan sekitar disebabkan oleh pembangunan taman-taman perumahan yang baru?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap pembangunan baharu adalah terancang dan tidak berisiko untuk mengalami banjir adalah seperti yang berikut:
- (a) Mengawal Permohonan Kebenaran Merancang dengan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaik taraf parit utama yang berada di sekeliling kawasan pembangunan berdasarkan kepada Pelan Induk '*The Study on Flood Mitigation and Drainage in Penang Island*' yang telah digariskan oleh Japan International Cooperation Agency (JICA) bagi pembangunan di kawasan George Town;
 - (b) Mensyaratkan kepada pemaju untuk menyediakan sistem perparitan yang efisien serta kolam takungan banjir yang dapat mengawal kadar isipadu air di kawasan pembangunan baharu sebelum ke titik curahan terakhir;
 - (c) Mensyaratkan kepada pemaju untuk menyediakan parit jiran di kawasan sekitar pembangunan baharu dengan memastikan pengaliran air yang efisien ke dalam sistem saluran utama;

- (d) Mensyaratkan kepada pemaju untuk melaksanakan kajian hidraulik yang terperinci untuk menentukan kapasiti dan saiz parit serta kolam. Hasil kajian akan dimasukkan dalam pelan jalan dan parit;
- (e) Mewajibkan semua pembangunan baharu untuk mematuhi beberapa garis panduan seperti Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam Edisi ke-2 (MSMA), *Malaysian Standard for Urban Storm Water Management* MS2526 (keluaran SIRIM), Garis Panduan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS): Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rezab Sungai, Garis Panduan Konsep Pembangunan Berhadapan Sungai, pematuhan kepada kelulusan Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Sedimentasi (*ESCP*), Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan Dari Pembangunan Di Kawasan Pantai termasuk arahan-arahan semasa yang dikeluarkan melalui Pekeliling-pekeliling JPS;
- (f) Menggunakan Laporan Kajian Induk Tebatan Banjir dan Saliran Mesra Alam sebagai bahan rujukan bagi sebarang pembangunan yang melibatkan sistem saliran;
- (g) Melaksanakan projek-projek mitigasi banjir dan menaik taraf sistem saliran; dan
- (h) Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran melibatkan kerja-kerja pembaikan struktur dan pembersihan sampah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

13. Berapakah jumlah keluarga yang terlibat dalam bencana banjir pada September 2024 mengikut DUN?
- (a) Berapakah jumlah sumbangan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada semua mangsa banjir tersebut?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Pulau Pinang telah dilanda banjir kilat yang menjejaskan tiga (3) daerah, iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT), dan Seberang Perai Selatan (SPS), pada 17 hingga 22 September 2024. Berikut adalah jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) yang terlibat dalam bencana banjir tersebut, mengikut DUN dan Pusat Pemindahan Sementara (PPS):

BIL.	DAERAH	DUN	NAMA PPS	BIL. KIR
1	SPU	KADUN SUNGAI DUA	SK LAHAR YOOI	73
		KADUN SUNGAI DUA	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AR-RIDWAN, NYIOR SEBATANG	10
		KADUN PERMATANG BERANGAN	PUSAT PEMINDAHAN PADANG MENORA	12
		KADUN PERMATANG BERANGAN	PUSAT PEMINDAHAN BENCANA LABUH BANTING	27

BIL.	DAERAH	DUN	NAMA PPS	BIL. KIR
			JUMLAH	122
2	SPT	KADUN PENANTI	SK SERI PENANTI	5
		KADUN MACHANG BUBUK	DEWAN ORANG RAMAI BUKIT TEH	13
		KADUN SEBERANG JAYA	SMK PERMATANG RAWA	19
		KADUN PERMATANG PASIR	SMK PERMATANG PASIR	1
		KADUN PENANTI	SEK REN ISLAM AT-TARBIAH GUAR JERING	15
			JUMLAH	53
3	SPS	KADUN SUNGAI BAKAP	DEWAN SERBAGUNA SUNGAI BAKAP	6
		KADUN JAWI	DEWAN MPKK SANGLANG	20
			JUMLAH	26
JUMLAH KESELURUHAN				201

- (a) Terdapat dua (2) jenis sumbangan yang diberikan oleh pihak Kerajaan iaitu Sumbangan daripada Pejabat Perdana Menteri berjumlah RM500.00 kepada setiap Ketua Isi Rumah (KIR) dan Bantuan Wang Ihsan (BWI) daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang diberikan melalui Kerajaan Negeri berjumlah RM1,000.00 kepada setiap KIR. Manakala, Pusat Urus Zakat telah memberi RM500.00 kepada KIR beragama Islam. Berikut adalah jumlah BWI yang diberikan kepada mangsa mengikut Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	TAHUN	
		2024	
		KIR	BWI (RM)
1.	PDTSPT	53	53,000.00
2.	PDTSPS	26	26,000.00
3.	PDTSPU	122	122,000.00
JUMLAH KELUARGA/KETUA ISI RUMAH (KIR)		201	201,000.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

14. Siapakah yang sepatutnya menjadi anggota dalam Ahli Jawatankuasa Bencana Peringkat Daerah (JBPD) dan peranan mereka?
- (a) Adakah melibatkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pembangkang?
 - (b) Mengapakah ADUN Permatang Berangan tidak dilibatkan dalam Ahli JBPD yang berlaku pada bulan September 2024?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Anggota dalam Ahli Jawatankuasa (AJK) Bencana Peringkat Daerah (JBPD) dan peranannya adalah seperti dilampiran **LAMPIRAN A**.
- (a) Penglibatan ADUN di dalam JBPD ini adalah mengikut Arahan MKN 20. Walau bagaimanapun pada 3 Oktober 2024, Kerajaan telah memperkenalkan dan menguatkuasakan Arahan NADMA No. 1 yang mana di dalam Arahan tersebut, ADUN adalah tidak terlibat di dalam JBPD.

LAMPIRAN A

Arahan NADMA No.1 : Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara telah mengariskan mekanisme pengurusan bencana di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah secara menyeluruh. Berikut adalah Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) mengikut Arahan NADMA No.1.

- Ahli-ahli
1. Ketua Polis Daerah
 2. Ketua Zon Bomba
 3. Pegawai Kesihatan Daerah
 4. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
 5. Wakil Jabatan Alam Sekitar
 6. Wakil Angkatan Tentera Malaysia
 7. Pengarah Zon Maritim Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
 8. Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah
 9. Penolong Pengarah Keselamatan Negeri, MKN Daerah
 10. Pegawai Pertahanan Awam Daerah
 11. Pegawai Jabatan Meteorologi Malaysia
 12. Pegawai Penerangan Daerah
 13. Pegawai Pendidikan Daerah
 14. Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya
 15. Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran
 16. Pegawai RELA Daerah
 17. Ketua Cawangan KPDN
 18. Pegawai Pertanian Daerah
 19. Pegawai Perikanan Daerah
 20. Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah
 21. Pegawai Jabatan Mineral dan Geosains Negeri
 22. Pengarah Pejabat Zon Atom Malaysia
 23. Pengarah Pejabat Negeri, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
 24. Wakil Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
 25. Pengurus Telekom Malaysia Daerah
 26. Pengurus Tenaga Nasional Berhad Daerah/Wakil Pengurus Syarikat Bekalan Elektrik Negeri
 27. Wakil Pengarah/Pengurus Jabatan/Syarikat Bekalan Air Negeri
 28. Wakil Pengarah/Pengurus Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

29. Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
30. Penghulu/Penggawa Mukim

Peranan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD)

1. Melaksanakan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju dalam mengendalikan sesuatu Bencana di peringkat Daerah.
2. Mengarusperdanakan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana melalui semua Agensi Kerajaan di peringkat Daerah secara berkesan.
3. Melaksana dan memastikan penyampaian Sistem Amaran Awal secara berkesan kepada Agensi Kerajaan dan orang awam.
4. Melaksanakan latihan pengurusan Bencana yang bersepadu di antara Agensi Kerajaan dari semasa ke semasa bagi memenuhi tahap kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi sesuatu Bencana.
5. Melaksanakan program pembangunan keupayaan dan Kesedaran Awam di peringkat Daerah dalam usaha menjadikan masyarakat lebih berdaya tahan dalam menghadapi Bencana.
6. Menubuhkan Kumpulan Kerja yang bertanggungjawab kepada JPBD bagi melicinkan pengurusan Bencana. Kumpulan Kerja terlibat adalah seperti berikut:
 - (a) Kumpulan Kerja Kawalan Keselamatan diterajui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM);
 - (b) Kumpulan Kerja Mencari dan Menyelamat diterajui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
 - (c) Kumpulan Kerja Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - (d) Kumpulan Kerja Kebajikan diterajui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
 - (e) Kumpulan Kerja Sokongan Logistik diterajui oleh Jabatan Kerja Raya (JKR);

- (f) Kumpulan Kerja Pengurusan Media diterajui oleh Jabatan Penerangan;
- (g) Kumpulan Kerja Teknikal dan Pakar diterajui oleh agensi pakar bagi sesuatu Bencana yang berlaku; dan
- (h) Kumpulan Kerja Penyelarasan Bantuan Badan-Badan Sukarela dan Sumbangan yang diterajui oleh Pejabat Daerah.

7. Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian bagi tujuan taksiran kerugian dan Pemulihan yang diakibatkan oleh Bencana.
8. Mengangkat cadangan bantuan ihsan atau bantuan Pemulihan, sekiranya perlu kepada Kerajaan Negeri.
9. Menentukan operasi mencari dan menyelamatkan dijalankan secara lancar dan berkesan.
10. Mengenal pasti dan menubuhkan pusat-pusat pemindahan dan pangkalan hadapan.
11. Memantapkan peranan organisasi komuniti dan masyarakat dalam melaksanakan penyelarasan dan Tindak Balas awal terhadap kejadian Bencana.
12. Merancang dan melaksanakan program Pencegahan, Kesiapsiagaan, Tindak Balas dan Pemulihan di peringkat Daerah.
13. Mewujudkan dan mengemaskini profil kawasan berisiko Bencana di peringkat Daerah tujuan perancangan pembangunan dan Tindak Balas Bencana.
14. Mewujudkan pangkalan data mengenai peralatan, kelengkapan dan senarai kepakaran di peringkat Daerah yang diperlukan dalam pengurusan Bencana.
15. Menubuhkan PKOB dengan secepat mungkin selepas sesuatu kejadian Bencana dan mengaktifkannya termasuklah mewujudkan sistem rangkaian komunikasi dengan PKTK.
16. Menyelaras keperluan pengurusan dan bantuan Bencana seperti menentukan bantuan logistik dan mengambil alih (*requisition*) peralatan/jentera yang diperlukan secara sementara kepunyaan Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang perseorangan semasa operasi Tindak Balas Bencana.
17. Menentukan bantuan yang komprehensif seperti kebajikan, makanan, tempat tinggal, kesihatan, perlindungan dan keselamatan kepada mangsa dan anggotapenyelamat.
18. Memastikan AAR dilakukan selepas sesuatu Bencana bagi tujuan memperakukan penambahbaikan terhadap sistem pengurusan Bencana yang dilaksanakan.

19. Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan Bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dan Pemulihan yang diberikan kepada mangsa.
20. Menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan Pusat Pemindahan bagi memastikan ianya berada dalam keadaan optimum dan sedia untuk digunakan pada bila-bilamasa apabila berlakunya Bencana.

21. Menyediakan laporan mengenai pengendalian dan pengurusan Bencana yang berlaku meliputi aspek operasi mencari dan menyelamatkan serta bantuan kecemasan dan Pemulihan yang diberikan kepada mangsa.
22. Menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan Pusat Pemindahan bagi memastikan ianya berada dalam keadaan optimum dan sedia untuk digunakan pada bila-bilamasa apabila berlakunya Bencana.
23. Menyelaras pengumpulan dan verifikasi senarai mangsa Bencana yang berpindah dan tidak berpindah ke Pusat Pemindahan untuk pemberian bantuan Bencana. Bagi mangsa yang berpindah ke Pusat Pemindahan, senarai nama mangsa didaftarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kumpulan Kerja Pengurusan Media diterajui oleh Jabatan Penerangan;

- (a) Kumpulan Kerja Teknikal dan Pakar diterajui oleh agensi pakar bagi sesuatu Bencana yang berlaku; dan
- (b) Kumpulan Kerja Penyelarasan Bantuan Badan-Badan Sukarela dan Sumbangan yang diterajui oleh Pejabat Daerah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

15. Isu pencemaran Sungai Kereh masih berlarutan sehingga ke hari ini.
- (a) Apakah tindakan susulan hasil daripada lawatan YB EXCO Perumahan dan Alam Sekitar ke kawasan ternakan babi di Kampung Selamat bagi menangani isu pencemaran najis babi di Sungai Kereh?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Satu lawatan bersepadu ke tapak ladang khinzir Kampung Selamat dan Sungai Kereh, Tasek Gelugor telah pun diadakan pada 23 September 2024 bersama sama agensi/jabatan Kerajaan Negeri yang berkaitan.

Susulan lawatan ini, Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan bersama pihak penggerak projek yang dilantik untuk membangunkan projek fasiliti biogas di Kampung Selamat. Projek biogas ini bertujuan untuk membersihkan dan merawat sisa buangan haiwan ternakan di sekitar kawasan Kampung Selamat. Sisa-sisa bahan buangan tersebut akan dirawat mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Cadangan projek biogas ini juga merupakan suatu usaha untuk menyokong pembangunan lestari dan teknologi hijau negara serta dapat mengalakan industri penternakan negara yang lebih bersih.

Selain itu, pihak penggerak projek juga telah mengadakan perbincangan bersama para penternak di Kampung Selamat dan para penternak telah menyatakan sokongan dan komitmen

sepenuhnya bagi pelaksanaan projek biogas dan berharap projek ini segera dilaksanakan di kawasan ini bagi memastikan kawalan pencemaran najis khinzir ini dapat dikurangkan dan memastikan kualiti sungai di kawasan berkenaan kembali pulih.

Antara tindakan jangka pendek yang sedang dirancang ialah penggerak projek akan mengambil bekalan najis di ladang Kampung Selamat dan dibawa ke Projek Biogas di Ladang Valdor, Seberang Perai Selatan sementara menunggu pelaksanaan Projek Biogas Kampung Selamat. Pada ketika ini, pihak penggerak projek dan para penternak Kampung Selamat sedang memuktamadkan mengenai pembiayaan kos pengangkutan.

Status terkini projek biogas Kampung Selamat masih di peringkat awal permohonan. Pihak penggerak projek yang dilantik oleh Kerajaan Negeri sedang membuat permohonan kepada beberapa agensi Kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA). Permohonan kepada SEDA melalui Program Tarif Galakan (FiT) hanya akan dibuka mulai Januari 2025. Oleh yang demikian, projek biogas di Kampung Selamat hanya dapat dilaksana mulai tahun 2025.

Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan secara bersama dan menyeluruh sedang dan telah dilaksanakan oleh beberapa agensi kerajaan seperti berikut:-

- (i) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) sentiasa melakukan pemeriksaan dan pemantauan secara berkala melalui Penguatkuasaan Enakmen Perternakan Babi 2016; dan
- (ii) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) turut melaksanakan tindakan seperti berikut:-
 - 1) Majlis menjalankan pemantauan, pemeriksaan dan penguatkuasaan ladang secara rutin dan berdasarkan aduan. Pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih intensif dilakukan terhadap ladang yang dikategorikan sebagai ladang berkeutamaan tinggi (*high priority*);

- 2) Penetapan syarat yang lebih ketat dalam pelesenan premis MBSP;
- 3) Pengeluaran notis, kompaun dan tindakan mahkamah dibawah Akta kerajaan tempatan 1976 serta undang-undang kecil yang berkaitan terhadap sebarang ketidakpatuhan; dan
- 4) Penyelarasan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu dan berganda (*double action*) dengan pihak JPVPP yang menguatkuasakan Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan-Peraturan Pelesenan Penternakan Babi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

16. Apakah jumlah hasil tanaman padi musim 2/ 2023 dan musim 1/2024?
- (a) Berapa peratuskah dapat menampung keperluan rakyat Negeri Pulau Pinang?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Jumlah hasil tanaman padi bagi musim 2/2023 adalah sebanyak 33,869.84 tan metrik manakala jumlah hasil tanaman padi bagi musim 1/2024 adalah masih di peringkat semakan pihak Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras, Bahagian Pembangunan Industri Padi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Data rasmi ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Pengeluaran Padi Kebangsaan.
- (a) Sebanyak 85,642.00 tan metrik beras dihasilkan dari jelapang padi Negeri Pulau Pinang pada tahun 2023. Jumlah ini dapat menampung sebanyak 61.57% keperluan beras penduduk di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

17. Berapakah jumlah kolam ternakan ikan air tawar yang terbiar di Pulau Pinang?
- (a) Apakah usaha untuk memulihkan kolam-kolam ternakan ikan yang terbiar di Labuh Banting, Tasek Gelugor?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Jumlah kolam ternakan ikan air tawar yang terbiar di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 27 buah kolam dan semua kolam ini terletak di kawasan Labuh Banting, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara.
- (a) Bagi usaha untuk memulihkan kolam-kolam ternakan ikan air tawar yang terbiar ini, Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang telah mengadakan perbincangan bersama Koperasi Nelayan Darat Labuh Banting dan juga YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Berangan pada Ogos 2024 yang lalu.

Melalui perbincangan ini, pihak koperasi telah bersetuju untuk menyediakan kertas cadangan bagi tujuan membaik pulih 15 daripada 27 buah kolam terbiar tersebut kepada kolam memancing udang galah kerana dijangka projek ini boleh mendatangkan hasil yang lebih baik. Di samping itu juga, projek kolam pancing udang galah ini sesuai dijadikan sebagai salah satu aktiviti agro pelancongan sedia ada di kawasan ini.

Walau bagaimanapun, kertas kerja ini masih belum diserahkan oleh pihak koperasi kepada pihak DOF untuk tindakan selanjutnya. DOF akan menyokong kertas cadangan ini dan akan membantu dalam proses permohonan peruntukan daripada pihak Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan. Selain itu, DOF akan turut memberikan khidmat nasihat teknikal bagi pembangunan projek yang dicadangkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

18. Adakah Kerajaan Negeri ada membuat kajian berkaitan projek tebatan banjir bagi semua sungai-sungai di Pulau Pinang?
- (a) Pada tahun berapakah dijangka masalah banjir di penempatan tepi sungai dapat diatasi sepenuhnya?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia kini sedang melaksanakan Kajian Keberkesanan Penyelesaian Banjir Jangka Panjang di Negeri Pulau Pinang Termasuk Daerah Kulim dan Bandar Baharu di Negeri Kedah yang kini di peringkat Reka Bentuk Interim.
- (a) Kerajaan Negeri tidak dapat memberikan satu jaminan yang kukuh bagi penyelesaian masalah banjir secara keseluruhan. Ini adalah kerana terdapat banyak faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan projek tebatan banjir. Antaranya adalah perubahan iklim, perubahan guna tanah, sistem saliran sedia ada yang uzur, keamatan hujan yang tinggi, pembuangan sampah sarap dan kekurangan kesedaran sivik. Pelaksanaan projek-projek tebatan banjir hanyalah tindakan mitigasi bagi mengurangkan kekerapan kejadian banjir berulang berdasarkan pada objektif kajian projek.

**MMESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

19. Berapakah jumlah nelayan sungai yang ada di negeri Pulau Pinang?
- (a) Apakah inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan bagi membantu nelayan sungai ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Terdapat seramai 324 orang nelayan sungai/nelayan darat di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan seperti enjin sangkut, pukot dan duit raya kepada nelayan sungai. Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menyalurkan bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND) sebanyak RM250 sebulan kepada 52 orang nelayan sungai. Bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) juga turut diberikan melalui penyaluran dua (2) buah sampan dan enjin baharu yang bernilai RM39,990.00 kepada dua (2) orang penerima.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menerima penyaluran peruntukan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sebanyak RM350,000.00 pada tahun 2024 bagi pelaksanaan Program Pelepasan Benih Ikan/Udang Ke Perairan Umum dengan mencatatkan sebanyak 450 000 pelbagai benih ikan dan udang dilepaskan untuk manfaat nelayan sungai. Jumlah ini merupakan jumlah yang tertinggi dalam sejarah pelepasan benih ikan dan udang dalam negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

20. Apakah usaha kerajaan bagi menangani isu rumpai terutama keladi bunting di sawah padi?
- (a) Berapa peratuskah pesawah padi yang terkesan dengan isu rumpai ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Berdasarkan bancian pengawasan dan ramalan yang telah dilaksanakan bagi musim penanaman 1/2024 dan 2/2024, tiada isu rumpai air keladi bunting yang dilaporkan serta kadar infestasi bagi keladi bunting dalam petak sawah adalah minima di semua daerah.

Namun begitu, sebanyak 12 siri taklimat kesedaran kawalan rumpai dan *Integrated Pest Management* (IPM) bagi tanaman padi telah dilaksanakan di semua daerah sehingga Oktober 2024. Bancian jenis rumpai yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) adalah seperti senarai berikut:

- (i) Sambau (*Echinochloa crus-galli*);
- (ii) Padi burung (*Echinochloa colona*);
- (iii) Rumput Misai Keli / Tahi Kerbau (*Fimbristylis milicea*);
- (iv) Rumput Paha Belalang / Ekor Tebu (*Leptochloa chinensis*);
- (v) Jinaleh (*Ludwigia hyssopifolia*);
- (vi) Menderong (*Scirpus grossus*);

- (vii) Rusiga (*Cyperus spp*);
- (viii) Colok Cina (*Ischaemum rugosum*); dan
- (ix) Kumpai (*Hymenchane pseudointerrupta*).

Keladi bunting (*Eichhornia crassipes*) adalah sejenis spesies asing *invasive* namun kadar infestasi pada ketika ini adalah masih dalam kawalan. Jika dibandingkan dengan keladi agas (*Monochoria vaginalis*), kadar infestasi dilihat semakin tinggi sejak tahun 2021 dan DOA telah melaksanakan bancian khas bermula tahun 2022 bagi membendung kadar kemerebakan rumpai ini di petak sawah padi. DOA telah mengenal pasti ancaman rumpai keladi agas yang boleh mengancam pengeluaran tanaman padi di negeri Pulau Pinang dan sentiasa memastikan kadar populasinya adalah dibawah Tahap Ambang Ekonomi (ETL).

- (a) Sehingga musim penanaman 2024, rumpai air keladi bunting belum diklasifikasikan sebagai rumpai perosak bagi tanaman padi kerana kadar infestasi yang minima. Pihak DOA sentiasa memantau dan melaksanakan bancian bagi perosak dan penyakit padi secara berjadual dan sekiranya kadar infestasi adalah melebihi ETL, maka pengesyoran bagi pembendungan dan kawalan akan segera dilaksanakan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

21. Pada masa ini Kompleks Sukan Pokok Sena mempunyai kemudahan hanya sebuah padang bola sepak, trek *jogging* dan gelanggang *skateboard*.
- (a) Apakah rancangan pembangunan lain yang akan ada di sini?
 - (b) Apakah kerajaan bersedia untuk memberi keistimewaan kepada penduduk sekitar yang sebelum ini menggunakan padang yang ada di situ secara percuma?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Projek menaik taraf Kompleks Sukan Pokok Sena dilaksanakan dalam 2 fasa yang melibatkan padang bola sepak, trek *jogging* dan gelanggang *skateboard*. Selain itu, 10 unit kontena juga telah diletakkan bagi menempatkan tandas awam, bilik persalinan, 2 buah bilik mesyuarat, bilik VIP, *Grandstand* dan lampu solar (18 unit).
- (a) Perancangan masa hadapan bagi Kompleks Sukan Pokok Sena adalah seperti pemasangan *bollard* dan meratakan kawasan hijau untuk membolehkan penduduk tempatan terutamanya kanak-kanak untuk riadah.

- (b) Fasiliti sukan ini telah dibuka untuk penggunaan orang awam pada akhir Disember 2023. Kemudahan *skatepark* dan *jogging track* merupakan kemudahan awam yang disediakan secara percuma, manakala kemudahan padang dikenakan kadar sewaan yang minima. Kemudahan ini boleh ditempah menggunakan sistem etempahan@psdklpp.gov.my. Kadar sewaan nominal dikenakan untuk mengimbangi kos operasi seperti pembersihan padang bola sepak dan utiliti air serta elektrik.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

22. Berapakah jumlah nelayan persisir pantai di Negeri Pulau Pinang?
- (a) Adakah jumlah jeti nelayan yang sedia ada dapat menampung jumlah bot nelayan yang sedia ada?
 - (b) Berapakah jumlah hasil tangkapan nelayan pantai bagi tahun 2022 dan 2023?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kategori perikanan pantai ditafsirkan kurang daripada 30 batu nautika yang terdiri daripada nelayan Zon A, Zon B dan Zon C. Terdapat 4,984 orang nelayan pesisir pantai dan perincian mengikut zon adalah seperti berikut:

ZON	BILANGAN NELAYAN
A	4,092
B	415
C	477
JUMLAH	4,984

- (a) Terdapat sebanyak 36 buah jeti nelayan, lima (5) buah pangkalan nelayan (*beach landing*) dan tiga (3) buah jeti Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang aktif digunakan oleh nelayan di seluruh Negeri Pulau Pinang untuk mendaratkan hasil tangkapan dan juga tambatan bot. Dengan kapasiti dan bilangan jeti sedia ada ini, dapat menampung jumlah bot-bot yang ada untuk membuat pendaratan.

Pendaratan hasil tangkapan bagi bot-bot nelayan tidak berlaku serentak dalam satu-satu masa. Ia bergantung kepada jenis perkakasan dan pukuk yang digunakan. Ada bot yang akan keluar pagi dan balik tengah hari dan ada juga bot yang akan keluar tengah hari dan balik lewat petang.

Bagi bot-bot Zon B dan C, kebanyakan bot-bot ini mendarat di jeti-jeti kompleks iaitu di Kompleks LKIM Batu Maung dan Kompleks LKIM Teluk Bahang. Kapasiti jeti di Kompleks LKIM Teluk Bahang boleh menampung sehingga 40 buah bot untuk membuat pendaratan. Manakala bagi jeti Kompleks LKIM Batu Maung dapat menampung pendaratan 60 buah bot dalam satu (1) masa.

LKIM juga menerima banyak permohonan daripada nelayan untuk menaik taraf jeti. Setiap tahun, LKIM meluluskan peruntukan bagi menjalankan kerja-kerja naik taraf jeti nelayan sama ada membaik pulih kerosakan, menaik taraf daripada jeti kayu kepada jeti konkrit termasuk untuk pemanjangan jeti bagi menampung pertambahan bot/sampan. Peruntukan yang diluluskan tersebut adalah mengikut keperluan dan tahap keadaan jeti-jeti tersebut.

- (b) Hasil tangkapan nelayan pantai bagi tahun 2022 dan 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

HASIL TANGKAPAN NELAYAN PANTAI BAGI TAHUN 2022 DAN 2023

TAHUN	PERIKANAN TANGKAPAN DARAT		PERIKANAN TANGKAPAN LAUT	
	Pendaratan (tan metrik)	Nilai (RM)	Pendaratan (tan metrik)	Nilai (RM)
2022	211.33	6,361,710.00	48,640.36	787,269,831.04
2023	247.88	7,106,858.00	38,226.23	730,536,368.30
Jumlah Besar	459.21	13,468,568.00	86,866.59	1,517,806,199.34

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

23. Berapakah bilangan kampung di Negeri Pulau Pinang?

- (a) Adakah kerajaan mempunyai perancangan yang komprehensif bagi menyediakan segala kemudahan asas seperti jalan dan longkang di kampung-kampung ini?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Terdapat sebanyak **638 buah kampung** yang telah di kenal pasti melalui Kajian Persempadanan Kampung Negeri Pulau Pinang (2019 – 2020) oleh pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PlanMalaysia@Pulau Pinang).

- (a) Melalui Dasar Utama Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP2030) iaitu Menyediakan Kemudahan Utiliti Yang Berkesan dan Melaksanakan Inisiatif Teknologi Hijau, terdapat 2 Dasar Strategik Pelaksanaan iaitu:
- (i) Memastikan sistem saliran dan perparitan yang terurus; dan
- (ii) Mewujudkan sistem pembentungan berpusat.

Semua dasar dan langkah-langkah di dalam RSNPP 2030 ini akan diterjemahkan di dalam Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2030 dan Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 yang sedang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (MBPP&MBSP), sebagai perancangan penambahbaikan, perancangan dan menaik taraf secara sistematik keadaan fizikal serta sistem perparitan dan

pembentukan untuk semua daerah termasuk kampung-kampung di dalam Negeri Pulau Pinang.

Bagi Tahun 2025, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2040 (Kajian Semula) akan dijalankan bagi menambah baik dasar-dasar berkenaan pemajuan dan pembangunan kampung-kampung di Negeri Pulau Pinang.

Bukan itu sahaja, PLANMalaysia Ibu Pejabat juga telah menyediakan satu Sistem Ciri-Ciri Spatial Desa Malaysia/*Spatial Characteristics of Rural Malaysia System* (S-CHARMs) yang memaparkan maklumat spatial kampung, membantu proses membuat keputusan perancangan dan pembangunan desa, menilai kemampuan kampung dan memantau pelaksanaan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN2030). Sistem ini secara umumnya boleh diakses oleh orang awam dan pentadbir kampung melalui Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi membantu memperkukuhkan perancangan dan pengurusan kampung serta pengagihan peruntukan kewangan yang lebih adil dan seimbang mengikut keutamaan oleh Agensi Persekutuan dan Negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

24. Berapakah jumlah pelajar yang tercicir dari arus pendidikan negara di Negeri Pulau Pinang?
- (a) Apakah punca berlakunya keciciran ini?
 - (b) Apakah usaha kerajaan bagi menangani isu keciciran ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Jumlah murid cicir di seluruh negeri Pulau Pinang dari Tahun 1 (Sekolah Rendah) sehingga Tingkatan 5 (Sekolah Menengah) adalah seramai **453 orang**.
- (a) Punca berlakunya keciciran adalah seperti berikut:-
 - (i) Tindakan Disiplin (dibuang sekolah). Murid-murid akan dibuang sekolah jika melakukan kesalahan disiplin mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); dan
 - (ii) Berhenti sekolah atas pilihan sendiri berdasarkan faktor-faktor seperti bekerja, kemiskinan, masalah keluarga, murid bekeperluan khas dan tiada kemudahan pembelajaran terdekat, sakit kronik, takut ke sekolah dan tidak berminat ke sekolah.
 - (b) Usaha Kerajaan Negeri bagi menangani isu keciciran melalui pihak JPN Pulau Pinang dan Pejabat Pendidikan Daerah adalah seperti berikut:-

- (i) Membentuk Jawatankuasa keciciran peringkat Jabatan Pendidikan Negeri dengan melibatkan pelbagai agensi yang dipengerusikan oleh Pengarah Pendidikan Negeri;
- (ii) Mengangkat dan membincang isu keciciran dalam Dialog Prestasi Nasional (DPN) yang melibatkan semua Pengarah Pendidikan Negeri dan pegawai tertinggi KPM;
- (iii) Melaksanakan Kempen Jom ke Sekolah Peringkat Negeri, Daerah dan Sekolah pada setiap tahun dengan kerjasama PDRM (Pegawai Perhubungan Sekolah);
- (iv) Bekerjasama dengan agensi Kerajaan negeri iaitu AADK, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Belia dan Sukan dan PDRM dalam melaksanakan Kempen Anti-Ponteng Sekolah;
- (v) Melaksanakan program Muafakat Hadir bersama PPD dan agensi kerajaan dalam menangani isu keciciran yang berfokus kepada calon SPM 2024/2025 Tindakan di Peringkat Sekolah;
- (vi) Program Ziarah Cakna iaitu pihak sekolah diminta mengenal pasti murid yang berpotensi cicir dan bermasalah disiplin. Satu jawatankuasa yang dibentuk diperingkat sekolah yang dipengerusikan oleh pengetua atau guru besar perlu melakukan lawatan mesra ke rumah murid untuk mengenal pasti dan membantu menyelesaikan isu-isu keciciran;
- (vii) Sesi kaunseling individu dan kelompok iaitu pihak sekolah melalui kaunselor dan Guru Bimbingan & Kaunseling (GBK) diwajibkan untuk melaksanakan sesi kaunseling kepada murid-murid yang berpotensi cicir disebabkan masalah disiplin dan ponteng sekolah;
- (viii) Sesi konsultasi bersama waris iaitu pelajar yang dalam proses tindakan disiplin atau dibuang sekolah perlu menghadiri satu sesi konsultasi yang melibatkan pentadbir sekolah dan waris. Semasa sesi ini pelajar akan dinasihatkan agar patuh kepada peraturan sekolah agar tidak berlaku keciciran; dan
- (ix) Program Sifar Murid Cicir SPM iaitu Sekolah perlu mengenalpasti murid berisiko cicir dalam Tingkatan 5

dengan membantu pelajar terlibat terus kekal berada di dalam sistem pendidikan sehingga SPM atau menduduki kursus atau mengikuti sijil kemahiran yang setaraf seperti kursus yang dianjurkan oleh Giat Mara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

25. Senaraikan pencerobohan nelayan asing yang berlaku di negeri ini dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Apakah langkah kerajaan dalam mengurangkan pencerobohan ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Senarai pencerobohan vesel nelayan asing (VNA) yang berlaku di perairan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2020 sehingga 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam melaksanakan pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap nelayan tempatan dan asing melalui siri rondaan di perairan Negeri Pulau Pinang meliputi segala kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-Peraturan dibawahnya.

LAMPIRAN A**STATISTIK PENCEROBOHAN VESEL NELAYAN ASING (VNA) DI PERAIRAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2020 SEHINGGA 2024**

TAHUN	TANGKAPAN VNA	PENGESANAN UDARA VNA	PENGUSIRAN VNA	VNT DITAHAN OLEH PENGUASA INDONESIA	KRU VNA YANG DIUSIR
2020	4	90	11	2	15
2021	6	348	67	3	383
2022	8	408	20	4	79
2023	25	100	60	4	266
2024	2	40	3	3	11
JUMLAH	45	986	161	16	754

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

26. Sejauh manakah keberkesanan penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) di Pulau Pinang?
- (a) Berapakah kutipan kompaun yang telah dikutip sehingga kini?
 - (b) Senaraikan agensi-agensi yang terlibat untuk penguatkuasaan ini.
 - (c) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam mengurangkan perokok dan *vape* di negeri ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Operasi Mega Bersepadu Penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam [Akta 852] Peringkat Negeri Pulau Pinang yang dijalankan pada 25 Oktober 2024 telah melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi. Operasi ini dijalankan di 284 premis dan melibatkan 154 pegawai dari pelbagai agensi dan jabatan seperti berikut:
- (i) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - (ii) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN);
 - (iii) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
 - (iv) Polis Diraja Malaysia (PDRM);
 - (v) Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN); dan

- (vi) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- (a) Jumlah kutipan kompaun yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Pulau Pinang mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT) mulai 1 Januari 2019 sehingga September 2024 adalah berjumlah RM3,192,229.00.
- (b) Agensi dan jabatan yang terlibat bagi penguatkuasaan ini adalah seperti berikut:
 - (i) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - (ii) Polis Diraja Malaysia (PDRM);
 - (iii) Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
 - (iv) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN);
 - (v) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP);
 - (vi) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP); dan
 - (vii) Lembaga Kenaf dan Tembakau Malaysia (LKTN)
- (c) Antara langkah Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dalam mengurangkan perokok dan *vape* di negeri ini adalah merancang dan mengambil beberapa langkah penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 yang telah dikuatkuasakan bermula 1 Oktober 2024. Pihak JKNPP menjalankan operasi penguatkuasaan secara berkala dan mempromosikan kesan merokok terhadap kesihatan di 28 Klinik Kesihatan di seluruh negeri.

Terdapat pelbagai program yang dilaksanakan oleh JKNPP seperti Program Nafas Baru Bermula Ramadhan yang merupakan sebahagian daripada inisiatif dalam usaha membantu perokok-perokok untuk berhenti merokok. Hari Tanpa Tembakau Sedunia (World No Tobacco Day) juga diraikan setiap 31 Mei bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya merokok.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

27. Senaraikan program *e-sport* yang dianjurkan pada tahun 2022 sehingga kini.
- (a) Senaraikan organisasi *e-sport* Pulau Pinang.
 - (b) Sejauh manakah kerajaan melihat *e-sport* sebagai sukan yang dapat diketengahkan ke peringkat antarabangsa?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Persatuan Sukan Elektronik Pulau Pinang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) telah menganjurkan sebanyak **62** program *e-sport* pada tahun 2022 hingga bulan Oktober 2024 seperti dalam **LAMPIRAN A**.
- a) Sehingga kini, terdapat tiga (3) buah Persatuan Sukan yang berdaftar secara rasmi dibawah Pesuruhjaya Sukan Malaysia iaitu :
 - (i) Persatuan Sukan Elektronik Pulau Pinang (Persatuan Sukan Negeri Induk);
 - (ii) Persatuan Sukan Elektronik Daerah Seberang Perai Utara; dan
 - (iii) Persatuan Sukan Elektronik Daerah Timur Laut.

- (b) Buat masa kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih dalam perancangan bagi mengembangkan sektor *e-sports* dalam negeri agar dapat dijadikan sebagai industri ekonomi yang baharu. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri masih menantikan Pelan Industri Sukan Negara yang akan dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam jangka masa terdekat.

Pelan ini menggariskan beberapa langkah, strategi dan inisiatif yang boleh memberi manfaat kepada sektor industri sukan dan menghasilkan pulangan semula kepada ekonomi negara.

Pada masa ini, sekiranya Kerajaan Negeri menerima cadangan pelaburan yang berpotensi untuk mengembangkan sektor *e-sports* dalam negeri, ianya amat dialu-alukan dan akan dikaji oleh MSNPP.

SENARAIKAN PROGRAM-PROGRAM E-SPORT

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH LAKSANA	TAHUN	TEMPAT PELAKSANAAN
1	E-SPORTS SENTRAL 360 SIRI 1	28 JANUARI	2022	STESEN RADIO RTM, PULAU PINANG
2	PUBGM MINI TOURNAMENT	12 FEBRUARI	2022	NASI KANDAR BARKAT, BERTAM, KEPALA BATAS
3	E-SPORTS SENTRAL 360 SIRI 2	25 FEBRUARI	2022	STUDIO ESPORT PENANG
4	TOURNAMENT PUBGM AADK @ KBT MUKIM 1	12 MAC	2022	MADRASAH AL-SAADAH, KUALA MUDA
5	E-SPORTS SENTRAL 360 SIRI 3	25 MAC	2022	STUDIO ESPORT PENANG
6	PUBG SCRIMM PESA SPU	26 MAC	2022	ESPORT YOUTH CABIN
7	MLBB SCRIMM PESA SPU	31 MAC	2022	ESPORT YOUTH CABIN
8	UITM PENANG E-SPORTS TOURNAMENT	8 - 10 APRIL	2022	ONLINE
9	PERDA CITY EYC OFFLINE TOURNAMENT	23 - 24 APRIL	2022	ESPORT YOUTH CABIN
10	MEET & GREET MOREH SESSION MPL PLAYERS	29 APRIL	2022	ESPORT YOUTH CABIN
11	PES MOBILE & PUBG MOBILE PEMUDA UMNO KEPALA BATAS	28 - 29 MEI	2022	ESPORT YOUTH CABIN
12	EYC TOURNAMENT SEMPENA PMPL SEA 2022 WATCH PARTY	11 - 12 JUN	2022	ESPORT YOUTH CABIN
13	PERTANDINGAN E-SPORTS HARI KOPERASI NEGARA 2022 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG	18 - 19 JUN 2022	2022	MIDTOWN KUBANG MENERONG
14	KBGO PUBGM SCRIMM	6 OGOS 2022	2022	KBGO PORT LEPAK DAN MAKAN
15	PERASMIAN AKADEMI ESPORT PULAU PINANG, MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG	27 OGOS 2022	2022	AKADEMI ESPORT PULAU PINANG
16	PERTANDINGAN ESPORT AMBANG MERDEKA 2022	31 OGOS 2022	2022	KBGO PORT LEPAK DAN MAKAN
17	ESPORT HARI SUKAN NEGARA 2022	27 OGOS - 03 SEPTEMBER	2022	ONLINE
18	ESPORT KARNIVAL JOM BELI RUMAH WILAYAH UTARA	24 SEPTEMBER	2022	ESPORT YOUTH CABIN
19	MEET & GREET SOLOZ DAN INTAN SERAH	13 NOVEMBER	2022	ESPORT YOUTH CABIN
20	PUBG TOUR	28 JANUARI	2023	AKADEMI ESPORT PULAU PINANG
21	UITM PENANG ESPORT TOURNAMENT	31 MAC - 2 APRIL	2023	UITM PULAU PINANG
22	PYDC X ESPP JELAJAH DUNIA ESPORT KUALA LUMPUR	23-30 APRIL	2023	KUALA LUMPUR
23	KEM EKSPLORASI BELIA KEMAS PULAU PINANG 2023	15 MEI	2023	ESPORT YOUTH CABIN
24	KEMBARA PERPADUAN : PERTANDINGAN ESPORT SEMPENA MINGGU PERPADUAN	27 MEI	2023	PICCA CONVENTION CENTRE @ BUTTERWORT ARENA
25	ESPORT CHALLENGE : EKSPLO TVET@KKDW	14 - 16 JULAI	2023	BERTAM SQUARE, KEPALA BATAS
26	MALAYSIA ESPORTS LEAGUE 2023 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG	28 OGOS - 30 SEPTEMBER	2023	ESPORT YOUTH CABIN
27	ESPORT CHALLENGE KBGO	12 OGOS	2023	ESPORT YOUTH CABIN
28	PERTANDINGAN KELAYAKAN PEMILIHAN SUKMA 2024	23 - 30 SEPTEMBER	2023	ESPORT YOUTH CABIN
29	PERTANDINGAN ESPORT : EXPERT - EXPO PERDA 2023	1 OKTOBER	2023	MIDTOWN PERDA
30	MALAYSIA ESPORTS LEAGUE 2023 PERINGKAT KEBANGSAAN	02 - 29 OKTOBER	2023	ESPORTS INTEGRATED - ESI
31	KEJOHANAN EPORT HSN 2023	7 OKTOBER	2023	ESPORT YOUTH CABIN
32	KARNIVAL UDA : PERTANDINGAN ESPORT	28-29 OKTOBER	2023	TAPAK E-VOKE PRAI
33	MEET AND GREET WITH BARRACUDA ESPORT	5 DISEMBER	2023	ESPORT YOUTH CABIN
34	MYLADIES ESPORT 2024	15 DISEMBER	2023	ESPORT YOUTH CABIN
35	JELAJAH JUARA ESPORT MALAYSIA 2023	25 - 30 DISEMBER	2023	MAJLIS SUKAN NEGERA BUKIT JALIL
36	AXIS ESPORTS ACADEMY TOURNAMENT	8 JANUARI	2024	ONLINE
37	PROGRAM PEMBANGUNAN ESPORT PULAU PINANG BAWAH 20 TAHUN	20 JANUARI	2024	ESPORT YOUTH CABIN
38	JOM SOLAT SUBUH MACAM JUMAAT BERSAMA SOLOZ DAN MAKDI	10 FEBRUARI	2024	MASJID AL JAMIUL BADAWI
39	PERTANDINGAN ESPORT MASJID TELUK BAHANG	18 FEBRUARI	2024	MASJID JAMEK TELUK BAHANG
40	KEM EKSPLORASI BELIA KEMAS NEGERI PULAU PINANG	2 MAC	2024	ESPORT YOUTH CABIN
41	KEJOHANAN KARNIVAL SUKAN TM MALAYSIA (KASTEL)	6 - 8 MAC	2024	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PULAU PINANG
42	MAL ACADEMY LEAGUE	MAC - APRIL	2024	ONLINE
43	RUMEE CUP 2024	29 - 31 MAC	2024	PAVILON BANDAR PERDA
44	MOREH BERSAMA PEMIN E-SUKAN	30 MAC	2024	CUBA CAFÉ

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH LAKSANA	TAHUN	TEMPAT PELAKSANAAN
45	COMMUNITY HERO ONLINE MINI TOURNAMENT	27 APRIL	2024	ONLINE
46	ESPORT MADANI RAKYAT @ JELAJAH E-SUKAN BARAT DAYA	3 – 5 MEI	2024	TAPAK PESTA SUNGAI NIBONG
47	PERTANDINGAN ESPORT SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG	11 MEI	2024	DEWAN MILENIUM KEPALA BATAS
48	KARNIVAL AGRO MADANI @ PASAR TANI KEKAL SEBERANG JAYA	1 JUN	2024	PASAR TANI KEKAL SEBERANG JAYA
49	TAYANGAN LED BIG SCREEN UEFA CHAMPIONS LEAGUE FINAL	2 JUN	2024	ESPORT YOUTH CABIN
50	E-SPORT E-FOOTBALL MOBILE TOURNAMENT GEMPAQ FOOD FESTIVAL	23 JUN	2024	PAVILION BANDAR PERDA
51	PERTANDINGAN ESPORT SEMPENA HARI KOPERASI NEGARA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024	7 JULAI	2024	DATARAN MASJID BARAT DAYA BALIK PULAU
52	PEMILIHAN MEWAKILI PERSATUAN SUKAN ELEKTRONIK PULAU PINANG (U17) BAGI BENGKEL JELAJAH JUARA ESPORT MALAYSIA 2024 MUSIM KE 2 PERINGKAT ZON UTARA	20 JULAI	2024	ESPORT YOUTH CABIN
53	MALAYSIA ESPORTS LEAGUE 2024 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG.	20 - 30 JULAI	2024	ONLINE
54	BENGKEL JELAJAH JUARA ESPORT MALAYSIA 2024 MUSIM KE 2 PERINGKAT ZON UTARA	31 JULAI - 4 OGOS	2024	VOUK HOTEL SUITES
55	KEJOHANAN E-SUKAN JELAJAH SEBERANG PERAI UTARA (SPU) & SANTAI ANAK MUDA	10 OGOS	2024	SUNSHINE MALL BERTAM KEPALA BATAS
56	KEJOHANAN MALAYSIA ESPORT LEAGUE 2024 (MEL24) PERINGKAT KEBANGSAAN	9 OGOS - 20 OKTOBER	2024	ESPORTS INTEGRATED - ESI
57	KARNIVAL SEMARAK KASIH MERDEKA (PTPTN) 2024 (FREE-PLAY)	7 SEPTEMBER	2024	TAPAK PARKIR GIANT HYPERMARKET BAYAN BARU
58	PERTANDINGAN ESPORT FESTIVAL PENANG 2030	21 SEPTEMBER	2024	TECH DOME PENANG, KOMTAR
59	HARI KOKURIKULUM & KARNIVAL STEAM STARNITE 2024.	28 SEPTEMBER	2024	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUNGKU ABDUL RAHMAN
60	KEJOHANAN ESPORT SEMPENA EXPERT EXPO PERDA 2024	29 SEPTEMBER	2024	DEWAN DAHLIA, MIDTOWN PERDA KUBANG MENERONG
61	KEJOHANAN PENANG ESPORT FESTIVAL 2024	26 - 27 OKTOBER	2024	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KEPALA BATAS
62	KEJOHANAN E-SUKAN NADI SEMPENA GEN-AI	2 NOVEMBER	2024	TAPAK PARKIR GRAVITAS, JALAN BARU PRAI, PULAU PINANG.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(V)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

28. Senaraikan pusat dialisis yang terdapat di Pulau Pinang mengikut DUN dan pihak yang mengendalikannya.
- (a) Berapakah peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan kepada pusat-pusat dialisis ini pada tahun ini?
 - (b) Apakah insentif kerajaan bagi mereka yang ingin buka pusat dialisis?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Pusat-pusat dialisis yang terdapat di Pulau Pinang dan pihak yang mengendalikannya adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Terdapat tiga (3) pusat dialisis yang menerima peruntukan dari Kerajaan Negeri tahun ini. Anggaran subsidi yang disalurkan adalah berjumlah RM370,380.00 setahun.
 - (b) Buat masa ini, pihak Kerajaan Negeri mahupun Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang tidak menawarkan apa-apa insentif kepada pihak yang menjalankan pusat dialisis.

LAMPIRAN A**SENARAI PUSAT HEMODIALISIS DI NEGERI PULAU PINANG MENGIKUT DAERAH**

No	Daerah	Pusat Hemodialisis	Pemegang Lesen
1.	Timur Laut	Hospital Pulau Pinang	Hospital Pulau Pinang
2.	Timur Laut	Pusat Dialisis Liberty Green	Kepala Batas Dialysis Centre Sdn.Bhd.
3.	Timur Laut	Pertubuhan Dialisis Penyayang Pulau Pinang	Pertubuhan Dialisis Penyayang Pulau Pinang (Penang Caring Dialysis Society)
4.	Timur Laut	JHM - Rotary Haemodialysis Centre	The Penang Rotary Charity Foundation
5.	Timur Laut	Pusat Dialysis NKF -FO YI (UNIT II)	The National Kidney Foundation Of Malaysia
6.	Timur Laut	Buddhist Tzu -Chi Dialysis Centre (PENANG)	Pertubuhan Buddhist Tzu-Chi Merits Malaysia (Buddhist Tzu-Chi Healthcare Society Malaysia)
7.	Timur Laut	Neph Dialysis Centre	Neph Sdn. Bhd.
8.	Timur Laut	Alkom Bakti Dialysis Sdn Bhd	Alkom Bakti Dialysis Sdn. Bhd.
9.	Timur Laut	Renal Link Dialysis Centre (Penang)	Renal-Link Sdn.Bhd

No	Daerah	Pusat Hemodialisis	Pemegang Lesen
10.	Timur Laut	Prodiso Dialysis Centre	Professional Dialysis Solutions Sdn. Bhd
11.	Timur Laut	Pusat Hemodialisis Zakat Georgetown	As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd
12.	Barat Daya	Hospital Balik Pulau	Hospital Balik Pulau
13.	Barat Daya	Pusat Dialisis NKF-FO YI (UNIT 1)	The National Kidney Foundation Of Malaysia
14.	Barat Daya	Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang (DAERAH BARAT DAYA)	Pertubuhan Komuniti Chest Pulau Pinang (Penang Community Chest)
15.	Barat Daya	Pusat Hemodialisis Zakat (Bayan Lepas)	As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd
16.	Barat Daya	Pusat Hemodialisis Bayan Baru	Sri Tanjung Medicare (M) Sdn. Bhd.
17.	Barat Daya	Pusat Hemodialisis Bayan Lepas	Sri Tanjung Medicare (M) Sdn. Bhd.
18.	Barat Daya	Neph Dialysis Centre	Neph Sdn. Bhd.
19.	Barat Daya	Pusat Hemodialisis Balik Pulau	Sri Tanjung Medicare (M) Sdn. Bhd.
20.	Barat Daya	Pusat Hemodialisis Zakat Balik Pulau	As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd

No	Daerah	Pusat Hemodialisis	Pemegang Lesen
21.	Seberang Perai Utara	Hospital Kepala Batas	Hospital Kepala Batas
22.	Seberang Perai Utara	Buddhist Tzu Chi Dialysis Centre (Butterworth)	Pertubuhan Buddhist Tzu-Chi Merits Malaysia (Buddhist Tzu-Chi Merits Society Malaysia)
23.	Seberang Perai Utara	Persatuan Kebajikan Pusat Hemodialisis Majlis AT-TAQWA	Persatuan Kebajikan Pusat Hemodialisis Masjid At-Taqwa Taman Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang
24.	Seberang Perai Utara	Pusat Dialisis Pertama Kepala Batas	Beyond Medicare Sdn. Bhd
25.	Seberang Perai Utara	Happy Kid-Nees Dialysis Centre Sdn. Bhd	Happy Kid Nees Dialysis Centre Sdn. Bhd
26.	Seberang Perai Utara	Pusat Hemodialisis Bestari	Bestari Haemodialysis Centre Sdn Bhd
27.	Seberang Perai Utara	B.Braun Avitum (Butterworth) Dialysis Centre	B. Braun Avitum Renal Services Sdn. Bhd
28.	Seberang Perai Utara	Bertam Dialisis Centre Sdn. Bhd	Bertam Dialysis Centre Sdn. Bhd.

No	Daerah	Pusat Hemodialisis	Pemegang Lesen
29.	Seberang Perai Utara	Pusat Dialisis Prima	Pusat Dialisis Prima Sdn.Bhd
30.	Seberang Perai Utara	Pusat Dialisis Foresight Dialysis Tasek Gelugor	Foresight Dialysis Sdn. Bhd.
31.	Seberang Perai Utara	Pusat Haemodialysis Zakat (Butterworth)	As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd
32.	Seberang Perai Utara	Pusat Haemodialysis Zakat (Kepala Batas)	As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd
33.	Seberang Perai Utara	Klinik Putra dan Pusat Rawatan Dialisis	Syahmi Aad Sdn. Bhd.
34.	Seberang Perai Tengah	Hospital Seberang Jaya	Hospital Seberang Jaya
35.	Seberang Perai Tengah	Hospital Bukit Mertajam	Hospital Bukit Mertajam
36.	Seberang Perai Tengah	Persatuan Kebajikan Haemodialisis St. Anne BM	Persatuan Kebajikan Haemodialisis St. Anne, Bukit Mertajam, Pulau Pinang
37.	Seberang Perai Tengah	Pertubuhan Dialysis Rotary - Satu Hati Seberang Perai	Pertubuhan Dialisis Rotary - Satu Hati, Seberang Perai
38.	Seberang Perai Tengah	PWRM (BM) Dialysis Centre	Tabung Rawatan Pesakit Buah Pinggang Seberang Perai (Rrovince Wellesley Renal Medifund)

No	Daerah	Pusat Hemodialisis	Pemegang Lesen
39.	Seberang Perai Tengah	Pusat Dialisis Tabung Rawatan Pesakit Buah Pinggang Seberang Perai (PWRM)	Tabung Rawatan Pesakit Buah Pinggang Seberang Perai (Rrovince Wellesley Renal Medifund)
40.	Seberang Perai Tengah	Carlatan Dialysis Centre	Tan Kah Keong
41.	Seberang Perai Tengah	Pusat Rawatan Dialisis Pusat Dialisis Amal MAA Maaedicare	Yayasan Amal Maaedicare
42.	Seberang Perai Tengah	Nucare Dialysis Centre Sdn Bhd	Nucare Dialysis Centre Sdn Bhd
43.	Seberang Perai Tengah	Pusat Dialisis Davita Seberang Perai	Nusb Global (M) Sdn. Bhd
44.	Seberang Perai Tengah	Muhibah Renal Care (Pusat Dialisis Muhibah)	Muhibah Renal Care Sdn. Bhd.
45.	Seberang Perai Tengah	MNA Renal Care Dialysis Sdn Bhd	Mna Renal Care Dialysis Centre Sdn Bhd
46.	Seberang Perai Tengah	Pusat Dialisis Serai Wangi	Kepala Batas Dialysis Centre Sdn Bhd
47.	Seberang Perai Tengah	Pusat Rawatan Dialisis Islah (Cawangan Bukit Mertajam)	Islah Dialisis Sdn. Bhd.
48.	Seberang Perai Tengah	Pusat Haemodialysis Zakat (Bukit Mertajam)	As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd
49.	Seberang Perai Tengah	SJ Dialysis Center	Sj Dialysis Center Sdn Bhd

No	Daerah	Pusat Hemodialisis	Pemegang Lesen
50.	Seberang Perai Selatan	Hospital Sungai Bakap	Hospital Sungai Bakap
51.	Seberang Perai Selatan	Pertubuhan Hemodialysis Seberang Perai Selatan	Pertubuhan Hemodialysis Seberang Perai Selatan
52.	Seberang Perai Selatan	Pusat Hemodialisis Sinona Sdn Bhd	Pusat Hemodialisis Sinona Sdn. Bhd.
53.	Seberang Perai Selatan	Lim Boon Sho Dialysis Centre Sdn. Bhd	Lim Boon Sho Dialysis Centre Sdn. Bhd.
54.	Seberang Perai Selatan	Pusat Dialisis Mukmin Simpang Ampat	Gedung Penawar Sdn Bhd
55.	Seberang Perai Selatan	Pusat Haemodialysis Zakat Nibong Tebal	As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd
56.	Seberang Perai Selatan	Pusat Dialisis Nucare Dialysis Centre Sdn Bhd (Cawangan Nibong Tebal)	Nucare Dialysis Centre Sdn Bhd
57.	Seberang Perai Selatan	SJ Dialysis Center (Cawangan Sungai Bakap)	Sj Dialysis Center Sdn Bhd